

# Mahathir kagum pendirian Dr Hamid

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kagum dengan hasrat dan sikap Tan Sri Dr Abdul Hamid Pawanteh untuk meletakkan jawatan sebagai Menteri Besar Perlis.

Bagaimanapun, kata Perdana Menteri, beliau masih memikirkan perkara itu dan belum membuat keputusan muktamad sama ada untuk menerima atau menolak permintaan Dr Abdul Hamid itu.

"Saya amat kagum dengan sikapnya kerana beliau bukan berhajat untuk menjadi Menteri Besar seumur hidup.

"Ini satu sifat yang baik kerana kalau kita berpendapat tidak boleh lagi menyumbang, kita patut dengan rela hati menyatakan keinginan untuk bersara," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Memorial Tunku Abdul Rahman, di sini, hari ini.

Beliau diminta mengulas kenyataan Menteri Besar Perlis itu semalam yang berkata keputusannya melepaskan jawatan itu adalah muktamad.

Menjawab soalan, Dr Mahathir berkata, selain Dr Abdul Hamid, ada juga beberapa tokoh politik lain yang membayangkan kesediaan untuk berundur daripada kedudukan mereka.

"Ada juga yang memberi pertanda bahawa kalau saya hendak mereka berundur, mereka sanggup berundur...tanpa masalah."

Dr Abdul Hamid berkata, beliau akan berada dalam keadaan amat sukar sekiranya Dr Mahathir tidak menerima keputusannya itu. Beliau dipercayai mahu membabitkan diri sepenuh masa dalam bidang korporat selepas bersara daripada jawatan yang disandangnya itu.

Dr Mahathir berkata, Dr Abdul Hamid sudah memaklumkan kepadanya mengenai hasrat untuk bersara selepas pilihan raya umum akan datang.

"Beliau (Dr Abdul Hamid) telah meminta dibenarkan bersara selepas pilihan raya. Saya masih fikir. Belum ada keputusan muktamad," katanya.

Ditanya alasan yang dikemukakan berhubung hasratnya meletakkan jawatan sebagai Menteri Besar itu, Dr Mahathir berkata: "Beliau berpendapat telah memberi sumbangan setakat yang mampu dan pada pandangannya eloklah orang lain mengambil alih."

Beliau juga diminta mengulas laporan agensi berita asing yang memetik kenyataan Pergerakan Pembangunan Sedunia (WDM) yang meminta mahkamah Britain mengisytiharkan pinjaman bagi pembinaan empangan hidroelektrik Pergau sebagai tidak sah.

Dr Mahathir berkata, kerajaan akan mengambil tindakan menerusi mahkamah tempatan pula jika tiada bayaran dibuat terhadap pembinaan empangan hidroelektrik itu kerana ia termasuk dalam perjanjian.

"Ketika perjanjian ini dibuat, tidak pula dikatakan perkara itu tidak sah. Orang tidak boleh membuat sesuatu perjanjian tetapi selepas itu kata ia tidak sah," katanya.